

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**KAWASAN : SIPITANG**  
**TARIKH : 3 OGOS 2017**  
**NO. SOALAN : 24**

**SOALAN**

YB Datuk Sapawi bin Ahmad Wasali [Sipitang] meminta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah peruntukan disediakan bagi pelaksanaan program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) mega, khusus bagi membantu golongan belia yang masih tidak bekerja berminat menjadi usahawan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan bagi menggalakkan generasi muda menceburi bidang perniagaan. Program ini yang telah dimulakan sejak tahun 2014 adalah bertujuan:

- a. memupuk dan menanam semangat keusahawanan di kalangan belia;
- b. merubah paradigma belia daripada pekerja menjadi pemilik atau pengusaha perniagaan; serta
- c. membentuk daya tahan dan jati diri di kalangan belia dalam mengendalikan perniagaan sendiri.

Pelaksanaan program ini melibatkan peruntukan Kerajaan berjumlah RM45 juta di bawah RMKe-11. Ia mensasarkan latihan dan bantuan untuk memulakan perniagaan kepada 500 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM9 juta setahun.

Memandangkan TUBE adalah satu program bercirikan kos yang rendah, impak yang tinggi serta mempunyai kesan berganda, program ini telah ditingkatkan kepada TUBE Mega pada tahun 2017. TUBE Mega 2017 mensasarkan sebanyak 1,000 usahawan belia dilatih dan dipersiapkan untuk menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan di 10 kem pusat latihan khidmat negara (PLKN) di seluruh negara, termasuk di Sabah dan Sarawak.

Bagi pelaksanaan TUBE Mega 2017, sebanyak RM11 juta peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Kerajaan yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan TUBE Mega 2017 sebanyak RM20 juta.

Sekian, terima kasih

**SOALAN ( 23 )****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL  
GHAPUR BIN SALLEH  
[KALABAKAN]**

**SOALAN :**

**YB DATUK SERI PANGLIMA HAJI ABDUL GHAPUR BIN SALLEH  
[KALABAKAN] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) apakah benar rakyat Malaysia sudah merasa risau bahkan merasa terancam dengan kemasukan syarikat-syarikat gergasi termasuk syarikat milik Negara China yang masuk untuk melaksanakan beberapa projek mega di Negara ini; dan**
- (b) sebenarnya apakah yang mereka kawatirkan dan apakah kekhuatiran ini wajar dan berasas.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar dakwaan kedaulatan negara Malaysia telah dijual apabila banyak pelaburan dan syarikat milik negara China masuk ke Malaysia. Dakwaan sedemikian tidak berasas kerana pelaburan asing termasuklah dari China serta kemasukan syarikat milik negara China untuk melaksanakan beberapa projek mega di negara ini tidak menggugat keutuhan kedaulatan negara. Malah pelaburan tersebut akan menjana kesan limpahan pertumbuhan ekonomi yang lebih mampan bagi tempoh jangka panjang dan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Perlu ditegaskan, Kerajaan sentiasa peka dan sedar akan keperluan untuk melindungi kepentingan dan keselamatan negara. Dalam hal ini, China atau mana-mana negara yang melabur di Malaysia, para pelabur wajib mematuhi undang-undang dan peraturan tempatan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

Malaysia sentiasa mengalu-alukan sebarang kemasukan pelaburan asing, yang akan memberi kesan pengganda ke atas ekonomi negara, tidak kira sama ada dari China, Arab Saudi, Jepun, Amerika Syarikat atau mana-mana negara. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan sumber modal terhad yang diperlukan bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi, kemasukkan pelaburan dari luar adalah perkembangan yang baik untuk negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mempunyai hubungan kerjasama dua hala yang amat baik dengan China yang merupakan antara rakan dagangan dan pelaburan utama bagi Malaysia. Dari aspek pelaburan, prestasi pelaburan dari China adalah memberangsangkan di mana pada tahun 2016 pelaburan langsung asing dari China berjumlah RM5.9 billion berbanding RM1.3 bilion pada tahun 2015. Kejayaan membawa lebih banyak pelaburan dari China adalah hasil hubungan baik antara dua negara yang terjalin sekian lama.

Dari segi perdagangan dua hala pula, China kekal sebagai rakan dagang utama Malaysia bagi lapan tahun berturut-turut sejak 2009. Malaysia juga merupakan rakan dagang kedua terbesar China di kalangan negara-negara ASEAN pada 2016. Jumlah perdagangan

Malaysia dengan China pada tahun 2016 bernilai RM240.91 bilion iaitu peningkatan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2015. Dari jumlah ini, eksport bernilai RM98.56 bilion dan import berjumlah RM142.35 bilion. Dengan kerjasama yang dimeterai melalui pelaburan dari China, persahabatan dan hubungan erat dua hala dengan Negara China dapat diperkukuhkan lagi. Pelaburan dari China juga akan menjana ekonomi negara dan memberi manfaat kepada rakyat secara keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA  
HAJI ABDUL GHAPUR BIN  
SALLEH [KALABAKAN]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Bin Salleh [Kalabakan] minta  
MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) apakah tindakan Kementerian mengenai salah laku (buli) terhadap kanak-kanak yang tinggal di asrama dan sekolah-sekolah yang mengakibatkan kecederaan kepada murid-murid lain; dan
- (b) jika ada apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil.

**JAWAPAN**

(a) dan (b)

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia sentiasa memandang serius terhadap gejala buli termasuk terhadap kanak-kanak yang tinggal di asrama dan sekolah, antara tindakan pencegahan bagi murid di asrama ialah dengan memberikan penekanan dan penegasan dalam aspek pembangunan

sahsiah murid. Program ini dilaksanakan dengan menambah aktiviti/program keagamaan dan nilai-nilai murni (mewajibkan solat berjemaah, mengisi masa antara maghrib dan isyak dengan pengisian keagamaan/moral). Selain daripada itu, masa senggang murid dipastikan ada pengisian yang berfaedah untuk mengelakkan atau memberikan ruang berlakunya buli dan meningkatkan pelibatan guru sekolah (bukan hanya warden sahaja) termasuk ibu bapa dan komuniti dalam program dan pembangunan murid asrama. Melalui program dan pelibatan menyeluruh ini masa murid akan diisi dengan perkara berfaedah dan mengurangkan risiko berlakunya buli.

RT03/26